

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHARLES ANTHONY**
SANTIAGO

KAWASAN : **KLANG**

TARIKH : **24.03.2014 (ISNIN)**

NO. SOALAN : **39**

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jaminan Kementerian bahawa kos ubat (medicine) tidak akan naik disebabkan oleh Perjanjian Perdagangan Bebas TPPA dan EU-Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli-ahli yang Berhormat, rundingan FTA termasuk rundingan TPPA tidak hanya dijalankan oleh perunding-perunding daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Perunding-perunding daripada Kementerian dan Agensi lain turut mengetuai rundingan bagi pihak Malaysia untuk bab yang berkaitan dengan bidang kuasa mereka. Sebagai contoh:

- Bab Perkhidmatan Kewangan diketuai dan dirundingkan oleh perunding-perunding daripada Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;

- Bab Perolehan Kerajaan diketuai dan dirundingkan oleh perunding-perunding daripada Kementerian Kewangan;
- Bab Alam Sekitar diketuai oleh perunding-perunding daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; dan
- Bab Buruh diketuai dan dirundingkan oleh perunding-perunding daripada Kementerian Sumber Manusia.

Begitu juga bagi isu-isu hak harta intelek, rundingan di bawah bab ini diketuai dan dirundingkan oleh perunding-perunding daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Isu spesifik mengenai kos atau harga ubat-ubatan yang dibincangkan dalam bab hak harta intelek pula tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang DiPertua,

Rundingan mengenai hak harta intelek yang secara tidak langsung berkaitan dengan harga ubat-ubatan masih berlangsung. Bagi bidang farmaseutikal, perbincangan umum masih diteruskan di antara semua negara mengenai perlindungan harta intelek yang wajar diberikan kepada produk-produk farmaseutikal.

Kerajaan akan terus memastikan rakyat mendapat akses kepada ubat-ubatan pada harga mampu milik dan mempertingkatkan pengeluaran ubat generik tempatan. Kerajaan sedar bahawa inovasi ubat-ubatan baru wajar untuk diiktiraf sebagai insentif kepada syarikat farmaseutikal untuk terus kekal dalam industri dan terus berdaya saing melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan ubat-ubatan baru untuk menangani penyakit-penyakit tertentu. Walau bagaimanapun, kemasukan ubat-ubatan generik juga adalah perlu bagi memupuk persaingan dan memberikan pilihan kepada pengguna. Oleh itu, Malaysia yakin satu keseimbangan dapat dicapai di antara melindungi hak

syarikat ubat-ubatan dan hak menjamin kemampuan rakyat untuk mendapatkan ubatan mampu milik.

Kerajaan mempunyai kaedah tertentu untuk memastikan harga ubat diperolehi pada harga yang mampu diperolehi dengan pembelian pukal melalui tender. Negara juga mempunyai pengilang tempatan yang dapat memberi saingan harga kepada produk impot. Kerajaan juga memantau harga ubat di pasaran dan memastikan persaingan sihat di antara syarikat pembekal ubat-ubatan selaras dengan objektif Dasar Ubat Nasional (DUNas) untuk mempertingkatkan akses rakyat kepada ubat yang berkualiti, selamat dan berkesan serta mampu milik.

Pada masa yang sama, ingin saya memaklumkan Ahli-ahli yang Berhormat bahawa kenaikan kos ubat-ubatan bukan hanya disebabkan oleh perjanjian perdagangan bebas semata-mata, namun mempunyai faktor-faktor domestik lain yang perlu diambil kira kesannya juga.